JANGAN JADI ALAT—MUSA

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Ingatan kepada Dewan Perniagaan Cina

Oleh
RASINAH MOHAMAD

JOHOR BAHARU, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam mengingatkan ahli-ahli Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia berhati-hati jangan diperalatkan oleh parti-parti politik untuk mencapai kepentingan sempit mereka.

Datuk Musa menegaskan, parti-parti politik negara ini, termasuk Barisan Nasional, berebut-rebut mendapatkan sokongan gabungan ini kerana pengaruhnya yang kuat di kalangan masyarakat Cina Malaysia.

Berbagai cara diusahakan oleh parti-parti politik ini bagi mendapatkan sokongan termasuk menggunakan taktik kotor memainkan isu sentimen dan perkauman, kata beliau ketika berucap di hadapan lebih 500 orang ahli gabungan itu di majlis perasmian mesyuarat ke-36, gabungan itu di sini pagi ini.

Datuk Musa mengingatkan ahli-ahli gabungan ini berwaspada selalu agar tidak diperalatkan oleh mana-mana pihak yang mempunyai tujuan sempit untuk mencapai kepentingan sendiri atau golongan tertentu sahaja.

Beliau menasihatkan ahli-ahli gabungan menumpukan perhatian penuh terhadap bidang yang mereka ceburi membantu kerajaan membangun negara, di samping, menstabilkan ekonomi negara.

Mengalu2kan

Datuk Musa mengingatkan ahli-ahli gabungan itu bahawa mereka menetap di Malaysia, maka kepentingan negara mesti diutamakan, cara berfikir mesti diubah dari tradisional kepada moden.

Datuk Musa mengalu-alukan langkah gabungan itu mengadakan projek perniagaan dan perindustrian secara usahasama dengan Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Malaysia.

Langkah ini, tegas beliau, patut dipuji kerana ia menandakan Gabungan Perniagaan dan

Muka 15 Ruang 3

Musa puji projek Cina—Bumiputera

● DARI MUKA SATU

Perindustrian Cina Malaysia menyambut baik Dasar Ekonomi Baru dengan membimbing usahawan Bumiputera yang hauskan kepimpinan mereka yang berpengalaman luas dalam bidang perniagaan dan perindustrian.

Langkah ini juga, tambah Datuk Musa, menunjukkan sifat kematangan gabungan yang bersedia mematuhi arahan kerajaan dengan mengenepikan perasaan curiga, iri hati, syak wasangka terhadap niat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai jumlah usahawan Bumiputera.

Datuk Musa juga mensifatkan langkah ini sebagai berfikir cara moden yang tidak mementingkan diri sendiri.

Beliau menyeru ahli-ahli gabungan ini jangan sekali-kali menganggap wujudnya jumlah usahawan Bumiputera yang ramai di negara ini sebagai tamparan hebat kepada bidang yang mereka ceburi.

"Anggaplah perubahan ini sebagai sihat, di mana bidang ini tidak lagi dikuasai oleh satu kaum dan kaum Cina memainkan peranan membantu menambah bilangan usahawan Bumiputera," katanya.

Datuk Musa berkata, kerajaan kini boleh bermegah sedikit dengan usahanya melahirkan usahawan Bumiputera, sekurang--kurangnya telah ramai Bumiputera yang berminat, sedar dan insaf betapa kemajuan satu bangsa bergantung juga kepada penglibatan dalam bidang perniagaan dan perindustrian selain politik.

Menurut beliau lagi, jumlah usahawan Bumiputera sekarang jauh lebih besar dari 15 tahun lalu dan kejayaan setakat ini harus dijadikan penggalak bagi mencapai penyertaan 30 peratus usahawan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Berjimat

Mengenai kemelesetan ekonomi dunia yang dialami kesannya di negara ini sekarang, Datuk Musa berkata, langkah kerajaan memotong perbelanjaan semua projek pembangunan dan membeku buat sementara projek yang tidak penting bukanlah bererti kerajaan kehabisan wang atau bankrup.

Apa yang kerajaan lakukan ialah menjimatkan pengeluaran wang negara agar tidak membazir, setiap wang yang dikeluarkan mestilah digunakan dengan cermat dan mengharapkan hasil yang setanding dengan nilai wang tersebut.

Malah, kata Datuk Musa, amalan dari segi ekonomi yang mengutamakan hasil produktif yang tinggi dengan sumber yang minima seharusnya diamalkan sepanjang masa bukan sahaja di waktu zaman kemelesetan seperti sekarang.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia